

# Negara perlukan 137,200 jurutera

Oleh ZAINUDIN ISA

PEKAN: Malaysia memerlukan 137,200 jurutera dan 331,700 pembantu jurutera yang berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan kimia, mekanik, elektrik, elektronik dan fotonik bagi menjayakan Pelan Perindustrian Negara (PPN), menjelang 2010.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata pada masa ini, tenaga kerja mahir dalam bidang teknikal dan sijil dikeluarkan politeknik dan institusi tertentu, manakala universiti tempatan pula mengeluarkan jurutera berteraskan sains dan teknologi.

Beliau berkata, langkah menggabungkan program kejuruteraan dan teknologi atau jurutera teknologi pada peringkat universiti perlu diwujudkan bagi sasaran keperluan sumber tenaga mahir itu.

"Sehubungan itu, Jemaah Menteri pada 26 Jun 2001 memutuskan supaya sebuah universiti teknikal berteraskan teknologi dan kemahiran ditubuhkan dan kini ia dikenali Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem).

"Objektif utamanya ialah me-

nerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan industri kimia dan petrokimia dan juga industri berasaskan pembuatan serta pemprosesan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis peletakan batu asas kampus tetap Kuktem yang dirasmikan Sultan Pahang, di Kuala Pahang, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Pertahanan yang juga Ahli Parlimen Pekan, Datuk Seri Najib Razak.

Musa berkata, Kuktem yang mula beroperasi tahun ini akan berfungsi sebagai universiti pengajaran dengan tumpuan utamanya terhadap bidang pengajaran dan latihan.

Katanya, Kuktem yang kini menggunakan bekas kampus Universiti Teknologi Malaysia di Kuantan, menawarkan program akademik berasaskan teknologi, kejuruteraan dan sistem komputer pada peringkat diploma dan ijazah.

"Bagi memastikan kurikulumnya bersesuaian dengan kehendak

industri, ia digubal bersama pihak industri dan kakitangan akademiknya yang mendapat latihan industri, manakala pelajar pula diwajibkan membuat latihan industri," katanya.

Beliau berkata, mulai sesi Mei tahun depan, jumlah pelajar Kuktem akan bertambah kepada 1,000, menyebabkan kampusnya terpaksa berpindah ke bandaraya MEC, di Gambang yang mampu menampung sehingga 4,000 pelajar.

Mengenai kampus tetapnya di Kuala Pahang, kampus seluas 720 hektar itu yang dijangka siap menjelang 2010 mampu menampung lebih 10,000 pelajar, 1,035 kakitangan akademik dan 520 kakitangan sokongan.

"Malah, universiti ini dirancang untuk mempunyai sembilan fakulti dan dua pusat pengajian serta tambahan sehingga 20,000 pelajar, termasuk 20 peratus pelajar pasca ijazah.

"Selain mengeluarkan siswazah dalam bidang yang ditetapkan, universiti ini juga akan menyalurkan hasil penyelidikan, produk inovatif dan khidmat kepakarannya kepada industri setempat," katanya.

Berita Minggu  
3/11/02 (Ahad)  
m/s 3